

Sempadan Malaysia, Singapura dibuka hari ini

Pembukaan fasa pertama dijangka berperingkat, tertakluk SOP

Oleh Nurul Amanina Suhaini
cnews@NSTP.com.my

Pasir Gudang: Kerajaan bersedia membuka sempadan Malaysia - Singapura bagi fasa pertama yang dijangka secara berperingkat mulai hari ini, sekali gus memberi manfaat kepada kedua-dua negara.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, berkata bagaimanapun, pergerakan rentas sempadan mengikut kategori dan jumlah yang dibenarkan akan diketahui esok.

Katanya, pembukaan berkenaan akan membabitkan kemudahan Laluan Hijau Timbal Balik (RGL) dan Peraturan Ulang Alik Berkala (PCA).

"Kalau satu keputusan dibuat oleh kerajaan, sudah tentu kita ada penyelarasan sesama agensi, jadi itu tidak ada masalah."

"Apabila sempadan buka, sudah tentu kita (kerajaan) akan bekalkan pengangkutan awam. Mesti ada percaturan yang rapi dan apabila melihat ada permintaan akan ada pergerakan (pengangkutan)."

"Saya perlu semak perancangan setakat ini untuk esok. Mungkin akan beransur-ansur benarkan. Kalau ada permintaan



Ka Siong melihat pelan pembangunan sekolah baharu selepas merasmikan SJKC Ladang Grisek, Taman Kota Masai, Pasir Gudang, semalam.

(Foto BERNAMA)

rasanya kita tidak ada masalah, bermakna persetujuan daripada dua-dua negara, namun tertakluk prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Ladang Grisek, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Dr Mah Hang Soon.

Ka Siong berkata, pembukaan sempadan negara secara tidak

langsung akan membantu sektor ekonomi tempatan termasuk pengangkutan awam.

Terdahulu, media melaporkan RGL akan membolehkan perjalanan rentas sempadan bagi tujuan perniagaan dan rasmi yang penting antara kedua-dua negara.

Manakala PCA membolehkan penduduk yang memegang pas imigresen jangka panjang bagi tujuan perniagaan dan kerja di salah satu negara memasuki negara itu dalam tempoh dipersetujui.

Pada 26 Julai lalu, Menteri Luar, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan rakan sejawatan dari Singapura Dr Vivian Balakrishnan bertemu di Tambak Johor.

Ia sebagai simbolik menandakan persetujuan pembukaan sempadan kedua-dua negara dijangka bermula esok, selepas kedua-dua negara menutup sempadan masing-masing bagi mengekang penularan COVID-19, bermula dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan oleh Malaysia pada 18 Mac lalu.